

Bekalan barangan keperluan asas di Sarawak mencukupi

2020-05-08T12:32:22+08:00

oleh Agnes Tugong



KUCHING: Bekalan barangan keperluan asas dijamin mencukupi sepanjang Ramadan ini serta menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Menurutnya yang juga pengerusi Jawatankuasa Kecil Rantaian Bekalan Makanan Sarawak, majoriti kadar pusingan stok dijangka boleh bertahan selama tiga bulan.

Bekalan keperluan asas katanya juga dijamin tidak akan terjejas di pusat jualan pedalaman negeri ini kerana kuota pada bulan Mei dan Jun akan ditambah.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sarawak memantau rapi beberapa jenis barangan dan stok makanan asas iaitu telur ayam, ayam daging, minyak masak, tepung gandum, gula, beras dan gas LPG.

"Hasil pemantauan dan pemeriksaan mendapati kesemua stok bagi tujuh jenis barangan ini adalah mencukupi dengan purata pengeluaran harian yang stabil," katanya pada sidang media Program Bantuan Makanan Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak, Dato Sri Fatimah Abdullah yang juga timbalan pengerusi jawatankuasa tersebut.

Menurutnya lagi, berdasarkan pemantauan KPDNHEP Sarawak, purata pengeluaran sehari bagi telur ayam ialah 1.85 juta biji sehari, ayam daging (91,000 ekor), minyak masak (158 metrik tan), tepung gandum (350 metrik tan), gula (2,800 metrik tan), beras (32,352 metrik tan) dan gas LPG (520.8 metrik tan atau 37,200 tong).

Bagi tempoh 1 Januari hingga 4 Mei 2020, KPDNHEP Sarawak telah melaksanakan pemeriksaan ke atas 17,200 premis perniagaan meliputi bandar dan luar bandar.

Daripada pemeriksaan tersebut katanya, sebanyak 408 kes direkodkan dengan nilai rampasan RM2.4 juta lebih dan jumlah kompaun RM105,650.

Sepanjang tempoh PKP dari 18 Mac hingga 4 Mei 2020 pula, KPDNHEP Sarawak merekodkan 35 kes dengan nilai rampasan RM34,936.85 dan nilai kompaun RM15,350.

Pihak kementerian katanya juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga yang mengambil kesempatan dalam tempoh pelaksanaan PKP ini dan akan menyiasat semula aduan pengguna yang dikemukakan.

Awang Tengah turut menasihatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan yang tidak munasabah atau terlalu tinggi serta mengamalkan perniagaan yang beretika.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/08/bekalan-barangan-keperluan-asas-di-sarawak-mencukupi>